

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 JUNE 2016

# Kerjasama Tun M, DAP mudaratkan kelangsungan kuasa Melayu Islam

BH - 22/6/2016

**Kuala Lumpur:** Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad terus melahirkan kebimbangan dengan tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad yang sanggup bersekongkol dengan DAP dan Parti Amanah Negara dalam usaha menjatuhkan kepemimpinan Datuk Seri Najib Razak.

Sementara itu, Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN), Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata keputusan pilihan raya kecil di Kuala Kangsar dan Sungai Besar menunjukkan rakyat tidak lagi menyokong beliau.

Tun Hamid seterusnya berkata, tindakan bekas Perdana Menteri menjalin kerjasama dengan DAP

dan parti serpihan PAS yang disifatkan sebagai anak syarikat DAP boleh mendatangkan kemudatan yang lebih besar terhadap kepentingan orang Melayu dan umat Islam di negara ini.

“Janganlah kerana tidak mahu Datuk Seri Najib terus menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir sanggup menyerahkan kerajaan kepada pembangkang diterajui DAP. Sekali orang Melayu terlepas tampuk pemerintahan, harapan untuk memperolehnya semula, amat tipis.

## Usaha jatuhkan kerajaan

“Saya juga sedih melihat Dr Mahathir, pada masa tua dan uzur, bersama-sama musuh politiknya yang berdekad-dekad berusaha

untuk menjatuhkan kerajaan yang dipertahankan sekian lama.

“Apa jadi kepada pengorbanannya selama ini? Walaupun ada perkara yang saya tidak bersetuju dengan beliau saya ingin terus menghormati beliau di atas pencapaian beliau dalam perkara lain yang saya kagumi itu,” katanya dalam satu kenyataan.

Dahlan pula berkata, seeloknya Dr Mahathir bersara dari arena politik kerana rata-rata rakyat sama ada penyokong BN tidak ingin lagi menyakitinya malah penyokong pembangkang juga mengangap Dr Mahathir sudah tiada nilai dalam politik negara.

“Biarlah sepak teranjang politik ini diuruskan oleh ahli politik sama ada pembangkang mahu pun ke-

rajaan sahaja. Saya juga berharap supaya Dr Mahathir menjaga legasi; nama baik dan prestasinya supaya ia tidak rosak sepenuhnya.

## Serah kepada rakyat

“Beliau (Dr Mahathir) masih berpeluang untuk bersara dengan lebih baik dan menyerahkan kepada kebijaksanaan rakyat untuk memilih parti yang akan memerintah negara kelak seperti yang dibuktikan rakyat di Kuala Kangsar dan Sungai Besar,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada program memasak bubur lambuk bersama warga Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di sini semalam.